

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

15. Seajar perubahan ekonomi global dan perbezaan Kerajaan Negeri dengan Persekutuan, adakah portfolio EXCO akan diubah dan diperkasakan?
- (a) Adakah peranan Jawatankuasa setiap MMK perlu diperkasakan?
  - (b) Adakah keahlian Jawatankuasa setiap MMK perlu dirombak berdasarkan kehadiran mesyuarat, penglibatan dan kepakaran setiap ADUN?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Buat masa ini, Kerajaan Negeri berpandangan tiada keperluan untuk membuat perubahan portfolio EXCO.
- (a) Keberkesanan fungsi jawatankuasa-jawatankuasa MMK sentiasa dinilai bagi tujuan pemerkasaan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa.
  - (b) Pengerusi Jawatankuasa MMK akan membuat penilaian terhadap ahli-ahli di kalangan ADUN, NGO, persatuan/pertubuhan dan orang perseorangan dalam jawatankuasa MMK masing-masing termasuk dari segi kehadiran mesyuarat, penglibatan dan kepakaran. Cadangan rombakan sama ada untuk menambah, mengekal atau mengurangkan ahli dalam jawatankuasa MMK adalah tertakluk kepada keputusan YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK.